

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, December 8, 2015 10:23 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: SUKAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (SUKUUM) - DPP SME BANK



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

8 DISEMBER 2015, SELASA | 26 SAFAR 1437H

Berita Oleh: NURUL EZZATI BINTI AZMI



DPP SME BANK: Seramai 100 pelajar DPP SME Bank, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melibatkan diri program Sukan Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) yang berlangsung pada 16 Oktober sehingga 4 Disember yang lepas bertempat di Pusat Sukan UUM.

Melalui program ini peserta telah menimba pengalaman yang amat berharga kerana dapat melakukan aktiviti sukan dalam kumpulan yang telah disediakan. Program ini juga memberi peluang kepada semua barisan atlit DPP SME Bank untuk mencungkil bakat diri masing-masing. Acara sukan sebegini seharusnya dapat diadakan untuk setiap semester, ini kerana ianya dapat memberi ruang kepada para pelajar mengetahui sedikit sebanyak berkaitan sukan dan dapat menyihatkan badan serta mencergaskan minda.

Sementara itu, pengarah projek, Nurul Ezzati Binti Azmi merakamkan ribuan terima kasih kepada semua barisan atlit DPP SME Bank yang terlibat dan memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program itu.

“Program sebegini diharapkan dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang supaya dapat memberikan lebih banyak peluang untuk pelajar-pelajar mencungkil bakat.” katanya.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

